



BAB 6

EPISTEMOLOGI


HASIL PEMBELAJARAN KULIAH

Menjelaskan perkembangan Revolusi Sains serta kesan epistemologi yang tercetus daripadanya


Menghuraikan tentang Kebenaran Ilmu, iaitu Teori Koresponden, Teori Koheren, dan Teori Pragmatik, Agama dan Tradisi

Menjelaskan pelbagai kaedah epistemologi seperti Rasionalisme, Empirikisme, Skeptisme, Wahyu dan Tradisi, Intuisi dan Ilham, Ilmu Hudhuri, Kearifan Tempatan dan Hikmah


Menganalisis sintesis perkembangan ilmu pengetahuan semasa serta peranan epistemologi sebagai pemacu penjana ilmu



LAKARAN KANDUNGAN BAB 6



RINGKASAN KANDUNGAN KULIAH BAB 6



HURAIAN KANDUNGAN BAB 6

6.1 EPISTEMOLOGI: KONSEP, PERKEMBANGAN, DAN KESAN TERHADAP KEHIDUPAN

Definisi Istilah: epistemologi, falsafah, ilmu, sains, dan agama

Perkembangan Epistemologi

Kesan Epistemologi Terhadap Kehidupan

6.2 KAEDAH DAN SUMBER PEROLEHAN ILMU

Kaedah Utama Perolehan Ilmu: Deduktif & Induktif

Kaedah Lain Perolehan Ilmu: Rasionalisme, Empirikisme, Skeptisisme

Sumber Perolehan Ilmu: Wahyu, Tradisi, Intuisi, Ilham, Hudhuri, Kearifan Tempatan, Hikmah

6.3 KEBENARAN ILMU

Konsep Kebenaran Ilmu

Kebenaran Ilmu: Teori Koresponden, Teori Koherensi, Teori Pragmatik

Agama & Tradisi sebagai neraca kebenaran ilmu

6.4 EPISTEMOLOGI SEBAGAI PEMACU PENJANAAN ILMU

Jenis dan sifat ilmu

Peranan epistemologi dalam memacu penjanaaan ilmu

Cabaran penjanaaan ilmu

6.5 SENARIO DAN KAJIAN KES

PENDEKATAN KULIAH



- Syarahan
(30 minit pertama)



- Pembelajaran Teradun
(Blended Learning)



- Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (SCL)
(30 minit kedua)

TAJUK-TAJUK SETIAP KULIAH KURSUS FALSAFAH DAN ISU SEMASA BERDASARKAN DOMAIN ANALISIS FALSAFAH

KULIAH 6 EPISTEMOLOGI	HASIL PEMBELAJARAN KULIAH	RUJUKAN
EPISTEMOLOGI: KONSEP, PERKEMBANGAN, DAN KESAN TERHADAP KEHIDUPAN	Menjelaskan perkembangan Revolusi Sains serta kesan epistemologi yang tercetus daripadanya	Shaharir MZ, Apakah Sains (ms 33-46), Hashim Musa (ms 4-19)
KAEDAH DAN SUMBER PEROLEHAN ILMU	Menjelaskan pelbagai kaedah epistemologi seperti Rasionalisme, Empirikisme, Skepticisme, Wahyu dan Tradisi, Intuisi dan Ilham, Ilmu Hudhuri, Kearifan Tempatan dan Hikmah	Shaharir MZ, Intuisi dan Heuristik (47-54) Shaharir MZ, Kaedah Aruhan (ms 55-64) Shaharir MZ, Kaedah Deduksi (ms 65-74) Shaharir MZ, Kaedah Ujikaji (ms 75-86)
KEBENARAN ILMU	Menghuraikan teori-teori tentang Kebenaran iaitu Teori Koresponden, Teori Koheren dan Teori Pragmatik, Agama dan Tradisi	Shaharir MZ, Kebenaran Sains (ms 101-107) Hashim Musa (ms 19-32)
EPISTEMOLOGI UNTUK KEGUNAAN KEHIDUPAN	Menganalisis sintesis perkembangan ilmu pengetahuan semasa serta peranan epistemologi sebagai pemacu penjaan ilmu pengetahuan	Shaharir MZ, Jenis-Jenis dan Sifat-Sifat Ilmu Pengetahuan (ms 108-118)
SENARIO DAN KAJIAN KES		

Daripada Falsafah Pendidikan Kebangsaan kepada Rukun Negara & kepada Falsafah Sejahtera

BACAAN LANJUTAN

<https://youtu.be/Pl8jrK-HsWs>

Kuliah Dr. Amran/ Epistemologi.

Video Dr. Hazim

<https://youtu.be/UklvB3IMit0>

Go to **www.menti.com** and use the code **74 42 18**

SET INDUKSI 1

Bulan muncul setiap malam.

Bulan terang, cantik, bercahaya.

Persoalan

Deskripsikan bulan pada pandangan anda.

Adakah bulan itu cantik seperti yang digambarkan oleh manusia?

Bagaimanakah anda menjustifikasikan bulan?



SET INDUKSI 2

Pokok pisang mempunyai ciri unik yang jarang dimiliki tumbuhan lain. Tanaman ini hanya boleh berbuah sekali sahaja hingga ada peribahasa Melayu 'takkan pisang berbuah dua kali' yang bermaksud sekali tertipu tidak akan berulang lagi.

Persoalan:

Apa itu pisang?

Apa falsafah di sebalik perumpamaan ini?

Adakah benar pisang tidak berbuah dua kali?

Adakah perumpamaan ini sudah tidak sesuai digunakan?

Apakah akibat tidak mengambil sempadan daripada apa yang berlaku?

Di Bukit Payong, Terengganu, sebatang pokok pisang menunjukkan kejadian luar batas normal pokok pisang, iaitu berbuah dua kali (Sinar Harian, Jan, 11, 2018). Adakah peribahasa Melayu tak lagi relevan?



SET INDUKSI 3

Kata orang tua-tua, *anak gadis menyanyi di dapur akan lambat kahwin.*

Persoalan;

- Apakah kaitan antara menyanyi dengan perkahwinan?
- Apakah benar perumpamaan ini?



SET INDUKSI 4

Prof: Berapa jarak dari Tg. Malim ke Putrajaya?

Pemandu teksi: Dua jam setengah.

Prof: Baiklah. (lalu prof masuk ke dalam teksi dan tenggelam dalam dunianya)

Setelah dua jam setengah berlalu.

Pemandu teksi: Kita dah hampir sampai encik.

Prof: Saya rasa baru sahaja bertolak. Betulkah kita dah sampai?

Pemandu: Betul encik.

Soalan:

Adakah benar jarak perjalanan tersebut mengambil masa 2 jam?



DEFINISI ISTILAH: EPISTEMOLOGI, FALSAFAH, ILMU, SAINS & AGAMA


- **EPISTEMOLOGI**

- “*Theory of Knowledge*”

- Dari sudut bahasa berasal daripada gabungan dua perkataan Yunani, iaitu *episteme* yang bermaksud ilmu dan *logos* yang bermaksud sains atau kajian.

- Epistemologi adalah sebahagian daripada perbincangan utama falsafah sebagaimana ungkapan kamus *The Lexicon Webster Dictionary*: “*The theory or study of the origin, nature, methods, and limits of knowledge*”.


- Epistemologi boleh difahami sebagai sains atau kajian secara falsafah berkaitan dengan ilmu atau ringkasnya disebut **teori ilmu**.



DEFINISI ISTILAH: EPISTEMOLOGI, FALSAFAH, ILMU, SAINS DAN AGAMA

Falsafah


- Perkataan *philosophy* daripada dua sebutan Yunani/Greek iaitu philein/pilo dan sophos/sophy
- Philo bermakna suka, cinta (to love)
- Sophy bermakna hikmah, kebijaksanaan (wisdom)
- Philo- cinta yang seluas-luasnya- keinginan yang begitu tinggi- maka akan berusaha untuk mencapainya
- Sophia- kebijaksanaan, pandai, tahu dengan mendalam atau cinta kepada kebijaksanaan.



DEFINISI ISTILAH: EPISTEMOLOGI, FALSAFAH, ILMU, SAINS DAN AGAMA


ILMU

- Istilah ilmu dalam kamus Inggeris disebut sebagai *knowledge* dan *science*- diterjemah dalam Bahasa Melayu sebagai tahu, pengetahuan, dan kepandaian
- secara etimologinya kata ilmu berasal daripada bahasa Arab “alima”
- Ilmu – sebagai penghubung antara yang tahu (subjek) dan yang diketahui (objek).




DEFINISI ISTILAH: EPISTEMOLOGI, FALSAFAH, ILMU, SAINS DAN AGAMA


SAINS

- 
- Daripada kata Latin *scio*, *scire* atau *scientia* yang bermaksud pengetahuan.
 - Menurut Kamus Dewan: Sains adalah ilmu pengetahuan yang teratur (sistematik) yang boleh diuji atau dibuktikan kebenarannya; cabang ilmu yang berdasarkan kepada kebendaan atau kenyataan semata-mata.
 - Juga didefinisikan sebagai ilmu yang didapati melalui metodologi saintifik.

AGAMA

- Lazimnya bermakna kepercayaan kepada Tuhan, atau sesuatu kuasa yang ghaib dan sakti seperti dewa, dan juga amalan dan institusi yang berkait dengan kepercayaan tersebut.
- Agama mempunyai makna yang lebih luas, yakni merujuk kepada satu sistem kepercayaan yang kohesif, dan kepercayaan ini adalah mengenai aspek ketuhanan.
- Kepercayaan yang hanya melibatkan seorang individu lazimnya tidak dianggap sebagai agama. Sebaliknya, agama haruslah melibatkan sebuah komuniti manusia. Oleh itu, agama adalah fenomena masyarakat yang boleh dikesan melalui fenomena **perlakuan** seperti sembahyang, membuat sajian, perayaan dan upacara, **sikap** seperti sikap hormat, kasih atau takut kepada kuasa luar biasa dan anggapan suci dan bersih terhadap agama; **pernyataan** seperti jampi, mantra, dan kalimah suci, serta **benda material** yang zahir seperti bangunan masjid, gereja, azimat, dan tangkal.





- Salah satu lagi ciri agama ialah berkaitan dengan tatasusila masyarakat.
- Ini bermakna agama bukan sahaja merupakan soal hubungan antara manusia dengan tuhan, malah merupakan soal hubungan manusia dengan manusia.
- Manusia yang tidak tidak mempercayai adanya tuhan dan menolak semua kepercayaan beragama pula dipanggil ateisme.

PERKEMBANGAN EPISTEMOLOGI

- Sejarah perkembangan epistemologi sejajar dengan perkembangan manusia memperoleh pengetahuan yang reflektif-sistematis.
- **Fasa 1: Zaman Yunani Kuno (abad 3 SM – 6 M)** pemikiran tentang pengetahuan bersifat kritikan terhadap pengetahuan yang disebut sebagai mitologi (dunia dewa-dewi).
- Dikenali dengan munculnya para filsuf yang membahaskan tentang hakikat alam semesta.



Sambungan...

- Filasuf seperti **Thales, Anaximander, Anaximenes, dan Phytagoras** kemudian dilanjutkan oleh **Socrates, Plato, dan Aristotle**. Ketiga-tiga tokoh ini mengembangkan pengetahuan reflektif dan sistematis sehingga disebut filsafat.
- **Fasa 2: Zaman Romawi** kurang ditandai dengan pemikiran pengetahuan sistematis, tetapi berkembang pemikiran tentang negara, perang, hukum, politik, perdamaian, sastra, dan kebudayaan.
- Antara tokoh ilmuwan pada masa ini ialah **Stoa, Epicurus, dan Plotinos**.

Sambungan...

- **Fasa 3: Zaman Abad Pertengahan/Abad Teologi (Abad 6 -15 M)**
Masuknya agama Kristian ke Eropah membawa corak epistemologi yang khusus. Berlaku pertemuan pengetahuan supranatural dengan pengetahuan rasional-natural-intelektual (iman dan ilmu).
- **Muncul aliran Skolastik** pada fasa ini yang berusaha menjalin kesepaduan sistematik antara ajaran agama (gereja Katholik) dengan ajaran manusiawi yang intelektual-rasional.
- Perpaduan antara Hellenisme (Yunani dan Romawi) dan Semitisme (Agama Kristian). Namun, Semitisme mendominasi segala aspek kehidupan manusia. Abad kegelapan bagi dunia ilmu pengetahuan. Antara korban nyawa ialah **Galileo Galilei**.

Sambungan...

- Tokoh utama Skolastik: **Agustinus** (bukunya: De Civitate Dei) dan **Thomas Aquinas** (bukunya: Summa Theologia).
- Eropah berada dalam abad kegelapan (The Dark Ages) tetapi tidak demikian di dunia Arab yang majoritinya beragama Islam. Muncul ramai filsuf terkenal seperti Al-Kindi, Ibnu Rusyd, dan Ibnu Sina.
- Usaha membawa buku-buku Yunani Kuno (Aristotle) ke Cordova yang kemudian dipelajari kembali oleh orang Eropah sehingga memunculkan zaman baharu.

Sambungan...

- **Fasa 4. Zaman Modern (Abad awal)**
- Kehidupan tidak lagi didominasi oleh agama Kristian (Gereja Katholik).
- Abad moden didahului oleh gerakan Renaissance (kelahiran kembali) dan Aufklärung (Pencerahan/Enlightenment) yang menyedarkan manusia akan autonominya sebagai hidupan rasional (animal rationale).
- Manusia yang menentukan tata kehidupan dunianya.
- Ditandai dengan munculnya aliran-aliran epistemologi, antaranya: rasionalisme, empirisme, kritisisme, idealisme, positivisme (fokus kepada masalah pengetahuan).

Sambungan...

- **Muncul tokoh2: Rene Descartes, John Locke, Francis Bacon, Immanuel Kant, Hegel, dan August Comte.**
- Muncul krisis budaya dan revolusi keagamaan, revolusi ideologi (Liberalisme, Sosialisme-Materialisme), revolusi politik (Revolusi Perancis), revolusi ilmu (Geocentrisme menjadi Heliocentrisme), revolusi industri (penciptaan mesin), dan Revolusi Sosial (sampai berlaku Perang Dunia I dan Perang Dunia II).

Sambungan...

- **Abad Kontemporer (setelah Perang Dunia II – sekarang)**
Timbul kecemasan dan absurditas (ketidakpastian) sejarah.
- **Muncul aliran epistemologi corak baru:** fenomenologi, eksistensialisme, filsafat hidup, pragmatisme, neo-marxisme, neo-liberalisme, dan yang lebih baru adalah teori kritis.
- Abad ini juga ditandai dengan kecenderungan aliran: Anti-rasionalisme, anti-positivisme, anti-intelektualisme, anti determinisme.
- Mengkritik epistemologi pada abad modern sebagai pandangan partial-deterministik, satu dimensi.
- Epistemologi dikaitkan dengan masalah hidup manusia.

Kesimpulannya...


- **Epistemologi berkembang seiring dengan perkembangan ilmu pengetahuan kerana** sebenarnya epistemologi merupakan bahagian penting dan inheren daripada cara berfikir manusia dalam menafsirkan dunia dan kehidupannya.
- Penafsiran tersebut terserlah dalam ilmu pengetahuan yang terus berubah dan bertambah sesuai dengan corak zaman.

KESAN EPISTEMOLOGI TERHADAP KEHIDUPAN

- i. Membantu seseorang melihat keperluan dalam bidang masing-masing
- ii. Memahami pola pemikiran – cara dan sumber dapat mengubah jalur pemikiran seseorang
- iii. Menentukan kemajuan sains dan teknologi (Mujamil Qamar, 2002).



6.2 KAEDAH & SUMBER PEROLEHAN ILMU




Kenapa perlu ada ilmu?

- ❖ Alat paling berkesan untuk membina masyarakat.
- ❖ Tiada kejayaan dan kemajuan dicapai tanpa ilmu.
- ❖ Kecemerlangan ummah dan pembinaan tamadun adalah bergantung kepada penguasaan ilmu.

6.2.1 KAEDAH PEROLEHAN ILMU

- Manusia dibekalkan dengan ilmu bila lahir. Dari segi falsafah, kenyataan ini bersifat a priori.
- Kaedah perolehan ilmu melibatkan pembuktian secara teori dan empirikal, mengikut metode yang sistematik, berdasarkan analisis dan pengujian terhadap data yang diperolehi mengikut prosedur yang betul.
- Metode ilmiah menggabungkan antara berfikir cara **deduktif** dan **induktif**.
- Ilmu yang diperolehi menerusi wahyu dikenali sebagai **ilmu naqli**.
- Ilmu yang diperolehi menggunakan akal dikenali sebagai **ilmu aqli**. Ini bermakna aktiviti akal ialah berfikir.
- Ilmu yang melibatkan unsur rohani merangkumi 4 elemen utama (akal, nafsu, hati, roh)
- Perolehan ilmu melalui pancaindera diperolehi melalui pengalaman peribadi yang wujud dengan adanya sentuhan antara manusia dengan dunia luar.
- Tingkat pancaindera ialah melihat, mendengar, merasa, sentuh, dan bau.

6.2.2 SUMBER PEROLEHAN ILMU



Sumber ilmu: ANTARA AKAL & PENGALAMAN

A PRIORI

- Ilmu didapati melalui penaaakuan tanpa pengalaman dahulu

A POSTERIOR

- ilmu didapati daripada pengalaman atau sesuatu yang tidak terpisah daripada pengalaman.

Sumber ilmu

A PRIORI

- Ilmu didapati melalui penaaakulan tanpa pengalaman dahulu

A POSTERIOR

- ilmu didapati daripada pengalaman atau sesuatu yang tidak terpisah daripada pengalaman.

- Rasional
- Reason, mind, thinking
- Contoh: Mengenalpasti kebenaran seperti bulan tetap bulat walaupun kelihatan “bulan sabit”.
- Empirikal (ujikaji makmal)
- Pancaindera
- Pengalaman
- Ujikaji

Pancaindra Sebagai Sumber Ilmu

- **Data** – maklumat daripada pancaindera dihantar ke otak
- **Sumatik** – proses data – hasilkan sakit dan sebagainya.
- **Halusinasi** – maklumat dalam otak seperti mimpi dan lain-lain.

Intuisi Sebagai Sumber Ilmu

- Kesedaran pancaindera
- Suara hati
- Naluri – keupayaan dalaman
- Keupayaan luar jangkauan
- Firasat

Akal Sebagai Sumber Ilmu

- akal (rationalism)— kaitan antara perkataan dgn idea.
- *No solid claims about the real world.* (Descartes; 1596–1650)
- Pengalaman pancaindera (empiricisme)—bagaimana sesuatu hadir / maklumat dari luar (David Hume; 1711–1776)
- Kombinasi antara maklumat dan konsep (Kant; 1724–1804). Asas kepada metod saintifik
- Metode saintifik (kombinasi antara maklumat dan akal). Ia adalah sumber ilmu yang terbaik menurut pandangan sarjana Eropah.

Wahyu Sebagai Sumber Ilmu


- Maksud: ilmu yang disampaikan oleh Allah kepada nabi dan rasul.
- Kebenaran wahyu adalah bersifat mutlak (absolute truth).
- Wahyu adalah sumber rujukan utama bagi umat Islam.
- Maklumat wahyu ada yang boleh dikaji dan dibuktikan secara rasional dan empirikal seperti konteks alam.
- Ada juga yang tidak dapat dikaji dan dibuktikan antaranya *sam'iyyat* (seperti berita syurga dan neraka, alam roh, zat Allah SWT).

Dalil Wahyu Sebagai Sumber Ilmu

Maksudnya:

“Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh, katakanlah: roh itu daripada perkara urusan Tuhanku dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja. Dan sesungguhnya jika kami hendaki, tentulah kami akan hapuskan apa yang kami wahyukan kepadamu kemudian engkau tidak akan beroleh sebarang pembela terhadap kami untuk mengembalikannya. Tetapi kekalnya al-Quran itu hanyalah sebagai rahmat daripada Tuhanmu. Sesungguhnya limpah kurniaan-Nya kepadamu (wahai Muhammad) amatlah besar.” (Al-Isra’: 85-86).

Hierarki Ilmu



Beza Antara Akal & Ilham


AKAL	ILHAM
Kaedah induktif dan deduktif	Pengalaman jiwa
Bercorak objektif dan dapat disaksikan ramai	Bersifat subjektif dan pengalaman peribadi
Boleh digambarkan dengan perkataan	Tidak boleh digambarkan dengan perkataan secara tepat

INTUISI & HEURISTIK


- Intuisi ialah kuasa spontan memahami atau memperoleh sesuatu ilmu tanpa penaaakulan dan pentelahan secara sedar.
- Gerak hati (dalam budaya Melayu),
- Ahi sains tidak mengakui kaedah ini untuk memperoleh pengetahuan.
- Namun intuisi tetap kaedah pertama yang memberi cetusan dan idea.
- Banyak perkara disahkan benar yang berlawanan dengan intuisi.
- Bermaksud sifat yang memperhambakan untuk penemuan.
- “Kesenian menyelesaikan masalah” . Doktrin istimewa untuk digunakan orang yang ingin memperoleh keupayaan menyelesaikan masalah.
- Hujah heuristic berasaskan aruhan (inductive) dan analogi permulaan.
- Hasil heuristik mungkin berguna tetapi tidak boleh dianggap sebagai pandangan yang teliti. Penaakulannya tidak bersifat terakhir walaupun dipersembahkan dengan citarasa yang terbaik dan ikhlas. Tetapi tidak boleh diperkotak-katikan.
- Lebih bersifat sementara dan munasabah sahaja.

PENGALAMAN + KONSEP (KANT)

- Immanuel Kant (1724 – 1804), filsuf Jerman abad ke-18, menggabungkan empirisme dan rasionalisme dalam teori epistemologi beliau, dan mensintesiskannya antara pengalaman dengan konsep.



6.3 KEBENARAN ILMU




6.3.1 Konsep Kebenaran Ilmu

6.3.2 Teori Kebenaran Ilmu:
Teori Koresponden,
Teori Koheransi, Teori
Pragmatik

6.3.3 Agama dan Tradisi
sebagai neraca
kebenaran ilmu

6.3.1 Konsep Kebenaran Ilmu

- Konsep kebenaran ilmu ialah wujud keadaan keselarasan, keserasian, dan kegunaan sesuatu perkara dalam masyarakat dan alam ini serta wujud juga keadaan kewajaran, kesaksamaan, dan keadilan.



TAHAP PENGKONSEPSIAN KEBENARAN

- 1) Kebenaran (*truth*) sebagai satu keadaan, kualiti atau sifat yang dikaitkan dengan penegasan tentang sesuatu fakta.
- 2) Kebenaran yang merujuk kepada keadaan adanya fakta itu di dalam alam dan wujud.
- 3) Sifat dan keadaan wujud dan adanya fakta itu haruslah dalam kedudukan yang adil, saksama, sesuai, wajar, dan tepat berdasarkan kriteria kebijaksanaan dan penilaian yang mutlak dan muktamad bukannya penilaian yang relatif dan berubah-ubah.

Persoalan Dalam Kebenaran Ilmu


- 1) Bagaimana pengaturan hierarki ilmu?
- 2) Bagaimana menjawab persoalan percanggahan antara sumber-sumber ilmu?
- 3) Adakah perlu menerima semua sumber ilmu adalah benar atau terpilih?
- 4) Bagaimanakah memastikan kebenaran sesuatu ilmu daripada sumber tertentu?

TAKRIF KEBENARAN ILMU

“Kebenaran ialah keadaan kewajaran dan kesesuaian (*suitableness*) dari segi keselarasan (*correspondence*) dan keserasian (*coherence*) antara penegasan dengan fakta dan juga dari segi keadaan dan sifat fakta itu yang wujud dalam keadaan adil, saksama, cocok, sesuai, dan wajar berdasarkan kriteria kebijaksanaan dan penilaian yang mutlak dan muktamad daripada autoriti yang sah dan absah.”

6.3.2 Teori Kebenaran Ilmu

- Dalam tradisi ilmu Barat, umumnya ada tiga (3) teori kebenaran yang dipegang secara meluas, yaitu:



TEORI KORESPONDEN: teori kebenaran berdasarkan **keselarasan** antara penegasan dengan fakta (*correspondence theory of truth*).

TEORI KOHEREN: Teori kebenaran berdasarkan **keserasian** perkara yang terdapat dalam sesuatu sistem yang telah diterima kebenarannya (*coherence theory of truth*).

TEORI PRAGMATIK: Teori kebenaran berdasarkan **kegunaan**, iaitu sesuatu itu benar jika ia berguna kepada masyarakat (*functional theory of truth*).

Teori Koresponden

- Teori kebenaran berdasarkan keselarasan antara fakta dengan penegasan, yaitu sesuatu **kenyataan itu benar jika ia berselaras dengan fakta yang ada dalam fenomena alam ini.**
- Kenyataan berkenaan dengan perkara yang tidak berkaitan dengan nilai etika dan moral seperti tentang lokasi, bilangan, jarak dan sebagainya, kebenaran berdasarkan teori keselarasan demikian boleh diterima.
- Namun, apabila sesuatu kenyataan/penegasan ada kaitan dengan nilai etika dan moral, maka prinsip keselarasan kebenaran itu susah dipertahankan. (Cth: Homoseksualisme, kejuruteraan genetik).


Teori Koherensi

- Suatu pernyataan dianggap benar bila ia bersifat koheren atau konsisten dengan pernyataan sebelumnya yang dianggap benar.
- Teori keserasian kebenaran (*coherence theory of truth*) menegaskan bahawa jika sesuatu perkara atau perbuatan itu serasi dengan keperluan dan keadaan masyarakat, maka perkara atau perbuatan itu adalah benar dan patut.
- Contoh: hukum bunuh ke atas penjenayah yang berat adalah wajar, patut dan benar kerana serasi dengan kehendak dan keadaan masyarakat sekarang yang mahukan hukum demikian dilaksanakan.
- Namun, nilai keserasian itu berubah-ubah kerana berubahnya suasana masyarakat; oleh itu tidak ada nilai keserasian yang muktamad dan mutlak.

Teori Pragmatik

- Sesuatu itu benar jika ia berguna kepada masyarakat. Kebenaran sesuatu pernyataan diukur dengan kriteria apakah pernyataan tersebut mempunyai kegunaan praktis dalam kehidupan manusia.
- Contoh: Kepercayaan kepada Tuhan walaupun adanya Tuhan tidak boleh dibuktikan secara empirikal, oleh itu tidak benar. Namun, kepercayaan itu boleh diterima sebagai benar jika ia memberi kebaikan kepada penganutnya, misalnya dapat menenangkan mereka semasa berlakunya tragedi dan kematian.

CONTOH TEORI PRAGMATIK: MEMAHAMI GAJAH



6.3.3 Agama & Tradisi Sebagai Neraca Kebenaran Ilmu

- Dalam Islam, terdapat kebenaran mutlak (terkandung dalam Al-Quran) dan kebenaran relatif (diperoleh daripada akal dan budi manusia-spekulasi menerusi falsafah dan kebenaran positif menerusi sains).
- Menurut Endang Saifuddin, terdapat 3 institusi kebenaran iaitu, sains, falsafah, dan agama (wahyu).
- Ketiga-tiga ini ada titik pertemuannya yang berkemuncak kepada tauhid kepada Allah.


(samb...)

- **Imam al-Ghazali** menegaskan **4 cara mencari kebenaran**, yaitu:
 - 1) Menerusi ilmu kalam (ilmu sains)
 - 2) Menerusi falsafah
 - 3) Menerusi golongan yang berwibawa (terpelihara daripada berbuat salah dan dosa atau disebut sebagai maksum).
 - 4) Menerusi sufisme atau tasawuf

(samb...)

- **Tradisi dan adat** sesebuah masyarakat atau kaum juga boleh menjadi kayu pengukur kepercayaan atau kebenaran dalam kalangan masyarakat.
- Contoh: Orang Asli mewarisi adat dan kepercayaan yang kaya dengan pantang larang. Mereka berpegang kepada kepercayaan animisme dan dinaungi semangat alam dan tumbuh-tumbuhan. Mereka juga mempercayai kepada semangat baik dan jahat. Setiap benda mempunyai semangat dan boleh membawa kepada kemudharatan atau kebaikan.

6.4 EPISTEMOLOGI SEBAGAI PEMACU PENJANAAN ILMU



- Menerusi epistemologi yang memfokuskan perbincangan kepada teori ilmu dari segi sumber dan kaedah perolehan ilmu, hierarki atau tingkatan ilmu, pengkelasan ilmu mengikut jenis dan sifat akan **membolehkan seseorang itu berfikir dengan waras dan seterusnya menjadi pemacu kepada penjanaan ilmu yang lebih bersifat harmoni dan holistik.**

KLASIFIKASI ILMU

- Epistemologi mengajar kita tentang jenis-jenis ilmu dan klasifikasinya.
- Contohnya, klasifikasi ilmu kepada ilmu sains kemanusiaan dan ilmu sains tulen.
- Sains Tulen: Fizik, kimia, biologi, matematik dll
- Sains sosial: politik, ekonomi, undang-undang, pendidikan, komunikasi, linguistik, antropologi, psikologi, sains sosial.
- Dalam Islam, ilmu diklasifikasi sebagai ilmu Aqli dan Ilmu Naqli.
- Ilmu Naqli adalah ilmu berdasarkan wahyu seperti ilmu tentang cara bersolat dan ilmu aqli ialah ilmu berdasarkan akal dan eksperimen seperti ilmu sains.
- Imam al-Ghazali membahagikan ilmu kepada fardu ain dan fardu kifayah.

KESEPADUAN ANTARA FALSAFAH, ILMU, DAN AGAMA

- Antara solusi bagi menghadapi kecelaruan dalam falsafah dan isu semasa adalah menerusi kesepaduan antara falsafah, ilmu, dan agama.
- Titik persamaan ialah kesemuanya mencari kebenaran.
- Namun, falsafah dan ilmu mempunyai keterbatasan. Hanya agama sahaja yang bersifat mutlak.
- Mustahil agama yang benar bercanggah dengan kebenaran.
- Ringkasnya, agama adalah pegangan bukan spekulatif dan tidak berubah.

CABARAN ILMU

- Kegagalan ilmu akibat program sekularisasi dan liberalisasi.
- **Kegagalan menyatupadukan ilmu mempunyai tiga peringkat:**
 1. Kesepaduan antara falsafah, ilmu, dan agama.
 2. Kesepaduan antara ilmu naqli (wahyu) dan aqli (akal rasional).
 3. Kesepaduan antara ilmu aqli dan ilmu sains.
- Cabaran hubungan antara ilmu, falsafah dan agama.

CABARAN ILMU, FALSAFAH, DAN AGAMA

1. Pengetahuan merujuk kepada hal-hal biasa dalam kehidupan.
2. Pengetahuan yang tersusun akan meningkat menjadi ilmu atau sains.
3. Ilmu dan sains hanya menjawab masalah yang segera maka keduanya memerlukan falsafah bagi menyelesaikan masalah yang lebih holistik.
4. Falsafah menimbulkan spekulatif dan tidak meyakinkan maka memerlukan agama untuk memberi jawapan yang mutlak.
5. Sekularisasi yang memisahkan agama menyebabkan sistem dualisme dalam pendidikan.

Sambungan...

ILMU	FALSAFAH	AGAMA
Ilmu dan sains hanya berusaha menjawab masalah dengan segera.	Falsafah hanya mampu memberi jawapan secara spekulatif dan tidak meyakinkan.	Agama mampu menjawab persoalan kebenaran yang gagal dijawab oleh ilmu dan falsafah secara tuntas dan meyakinkan.

Kesepaduan Antara Ilmu

- Bukan lagi monodisiplin tetapi transdisiplin.
- Antara kelemahan monodisiplin ialah:
 1. Keterbatasan seseorang dalam memahami sesuatu isu.
 2. Sudut pandangan berbeza bersesuaian dengan bidang masing-masing.
- Justeru, ilmuwan perlu bekerjasama menghubungkan disiplin ilmu bagi penjanaan ilmu yang lebih holistik dan mendalam.


KESIMPULAN



KESIMPULAN:

SENARIO g : MATA MENIPU?

- Hamid: Apakah warna anak bulan dalam bendera Malaysia?
- Awang: Warna Kuning.
- Hamid Bagaimana kamu tahu ia berwarna kuning?
- Awang: Saya tengok dengan mata sayalah!
- Hamid: Mata kita tengok matahari lebih kecil daripada bumi tapi benarkah matahari lebih kecil daripada bumi? Mata kita tengok bayang-bayang di bawah matahari tidak bergerak tetapi benarkah ia tidak bergerak? Mata kita nampak pokok tidak bergerak tetapi hakikatnya semua benda dalam bumi ini bergerak kerana bumi ini sendiri berputar! Sejauh mana Awang yakin dengan ilmu yang diperolehi melalui mata?
- Awang: Tapi semua orang yang tengok anak bulan di bendera Malaysia itu berkata ia berwarna kuning?
- Hamid: Katakanlah semua manusia kata ia berwarna kuning, tetapi apakah binatang lain setuju dengan penglihatan manusia? Ada warna yang mata manusia tidak nampak seperti ultra violet. Lebah dapat nampak warna ultra violet tetapi tidak dapat bezakan antara merah dan hitam. Mungkin ada banyak warna lain yang mata manusia tidak nampak. Maka, tidak semestinya warna sebenar anak bulan di bendera Malaysia berwarna kuning. Mungkin ia berwarna lain yang mata manusia tidak nampak, lalu mata kita memproseskannya kepada warna kuning!
- Awang: Jadi, bagaimana kita tahu warnanya yang sebenar?
- Hamid: Inilah persoalan epistemologi, iaitu teori ilmu tentang persoalan bagaimana kita tahu warna sesuatu benda, bagaimana kita tahu Tuhan itu wujud, bagaimana kita tahu etnik seseorang, bagaimana kita tahu sesuatu kenyataan itu benar atau palsu dan lain-lain.



AKTIVITI: GROUP DISCUSSION

SOALAN PERBINCANGAN KUMPULAN

- 1) Bagaimana menganalisis kebenaran maklumat yang diterima daripada media sosial?
- 2) Bagaimana menjadi warga negara yang bijaksana dan berinovasi bukan setakat pengguna hasil ciptaan negara lain?
- 3) Apa akibat neo-liberalisme terhadap ilmu dan budaya ilmu dalam aspek integriti?

CADANGAN AKTIVITI DALAM KULIAH

- **Kuiz** : pensyarah mengadakan pop kuiz untuk menguji kefahaman pelajar selepas selesai kuliah setiap topik.
- **Lakonan**: menjelaskan kefahaman, isu semasa, dan kaitan dengan falsafah melalui lakonan serta membawa markah kepada penilaian.
- **Refleksi**: menghasilkan peta minda secara berkumpulan (teori/pelopor)
- **Soal jawab** bersama rakan: menggalakkan aktiviti berbahas secara ilmiah dan mengetengahkan pandangan masing-masing (perbandingan antara epistemologi Barat & Islam)
- **Rumusan artikel** (esei pendek/individu): mengukuhkan kefahaman secara holistik.

TERIMA KASIH